



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 33 / 2019**

### **GANGGUAN SISTEM SEMAKAN PEMILIH DI MySPR SEMAK DAN PORTAL SPR**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum masalah dalam membuat semakan nama pemilih melalui MySPR Semak dan Portal SPR. Ini adalah disebabkan masalah teknikal yang berlaku dimana aplikasi MySPR Semak dan Portal SPR tidak dapat berhubung dengan pengkalan data utama pengundi. Kedua-dua kemudahan semakan tersebut telah boleh diakses semula mulai jam 8.00 malam tadi.
2. SPR memberi jaminan bahawa maklumat pemilih di dalam pengkalan data SPR tidak terjejas.
3. Di samping itu, SPR juga ingin menegaskan bahawa daftar pemilih pilihanraya (DPPR) bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.27 Rantau, Negeri Sembilan adalah tidak terjejas. Untuk makluman, DPPR bagi PRK DUN N.27 Rantau, Negeri Sembilan telah mula dijual pada 14 Mac 2019. SPR juga dijadualkan akan mengedarkan *voter's card* (kad pengundi) mulai 27 Mac 2019 kepada semua pengundi bagi PRK DUN N.27 Rantau, Negeri Sembilan.
4. SPR memohon maaf di atas kesulitan yang berlaku.

Sekian, terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 24 Mac 2019 / 17 Rejab 1440H